

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1990/1991

Oktober/November 1990

BST 422/2: EKOLOGI PEMULIHARAAN

Masa: [2 jam]

Bahagian A adalah **Wajib** dan mengandungi **DUA** soalan.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

Bahagian B. **DUA** soalan mesti dijawab di mana tiap-tiap soalan bernilai 30 markah.

(BST 422/2)

Bahagian A (Wajib)

1. Tulis nota-nota ringkas mengenai:

- (a) "Buku-buku Data Merah"
- (b) Konvention CITIES
- (c) Akta Spesies Terancam

(20 markah)

2. Apakah faktor-faktor yang mengancam habitat dan ekosistem di dunia hari ini? Bincangkan perkara di dalam konteks Malaysia.

(20 markah)

Bahagian B (Jawab DUA soalan dari yang berikut:-)

3. Salah satu ciri utama Strategi Pemuliharaan Sedunia ialah pemuliharaan biodiversiti. Apakah yang dimaksudkan oleh biodiversiti? Mengapakah biodiversiti patut diselamatkan? Bagaimanakah biodiversiti boleh diselamatkan?

(30 markah)

4. (a) Apakah ciri-ciri biologi yang menjadi sesuatu spesies itu spesies terancam.

...3/-

(BST 422/2)

- (b) Dengan menggunakan dua contoh spesies yang telah pupus, bincangkan bagaimana ciri-ciri ini telah menyumbang kepada pemupusan dua spesies tersebut.
- (c) Dengan menggunakan dua contoh spesies yang terancam, bincangkan langkah-langkah yang harus diambil untuk memastikan kemandiran bagi kedua-dua spesies tersebut.

(30 markah)

5. Bincangkan bagaimana teori biogeografi pulau boleh diguna untuk merekabentuk taman-taman negara dan kawasan simpanan semulajadi. Apakah faktor-faktor lain yang harus dipertimbangkan untuk merekabentuk taman-taman negara dan kawasan simpanan semulajadi?

(30 markah)

-oooOooo-